

Utusan

11/10/2010

Kuala Sungai Mersing cetek

Oleh:RAHIMAH MOHAMED

utusanjohor@utusan.com.my

MERSING 11 Okt. - Nelayan pesisir pantai di sini diminta bersabar ekoran kesukaran untuk melepasi kuala bagi menangkap ikan di laut sejak kebelakangan ini disebabkan kuala Sungai Mersing yang cetek.

Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan Mersing, Mohd. Izzham Faruza Mohd. Nazur berkata, beliau telah menerima banyak aduan mengenai masalah tersebut dan turut bersimpati dengan kejadian itu.

"Saya pun berasa agak kecewa terhadap apa yang berlaku, di samping bimbang rezeki nelayan akan terjejas.

"Pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga telah mengenal pasti masalah itu dan kini sedang mencari jalan untuk menyelesaikannya," katanya kepada Utusan Malaysia di sini, semalam.

Utusan Malaysia difahamkan, pada masa ini kerja mendalamkan kuala sungai tersebut giat dilaksanakan.

Mohd. Izzham berkata, setakat ini hampir empat bulan projek itu dilakukan tetapi ia masih belum berkesan mengatasi masalah tersebut.

"Kami telah pergi ke tempat penggalian terbabit untuk melihat sendiri kerja penggalian berkenaan, namun kami amat kecewa apabila mendapati kerja yang dilakukan itu sedikit pun tidak berhasil," katanya.

Tinjauan Utusan Malaysia turut mendapati, pasir yang digali masuk semula ke dalam laut.

Mohd. Izzham berkata, keadaan laluan bot yang cetek menyukarkan nelayan kerana mereka terpaksa menunggu sehingga air pasang sebelum turun ke laut untuk mencari rezeki walaupun pada waktu malam.

Sebagai pengurus persatuan yang menaungi nelayan di daerah Mersing, Air Papan dan Tanjung Leman, beliau akan berusaha bersama pihak yang berkaitan mencari jalan penyelesaian terbaik menangani masalah tersebut.



Kelihatan sebuah bot nelayan persisiran pantai yang tidak dapat melepasi Kuala Sungai Mersing akibat air terlalu cetek di Mersing, semalam.